

# LAWATAN KERJA KE BHEPA KAMPUS KESIHATAN USM



Pusat Pembangunan Alumni (PPA), Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA), Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan lawatan kerja ke Kampus Kesihatan USM, Kubang Kerian sebagai inisiatif memperkukuh hubungan strategik antara universiti dan alumni.

Antara pengisian utama sepanjang lawatan kerja ini ialah Program Ziarah Kasih kepada Profesor Dr. Shaharum Bin Samsudin, mantan Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA) yang juga merupakan alumni USM. Sesi ini menjadi platform untuk menzahirkan penghargaan atas jasa dan sumbangan beliau kepada pembangunan universiti serta mempereratkan hubungan silaturahim antara warga universiti dan alumni.

Pada hari berikutnya, delegasi turut mengadakan sesi perbincangan bersama BHEPA Kampus kesihatan bagi membincangkan strategi perancangan alumni di masa hadapan. Sesi seterusnya diteruskan dengan sesi kunjungan hormat ke Pusat Transformasi OKU-MAIK Kampus Kesihatan USM bersama Timbalan Naib Canselor BHEPA, Profesor Dr. Wan Ahmad Jaafar bin Wan Yahya. Sepanjang sesi tersebut, pihak delegasi telah diberikan penerangan mengenai fungsi serta sumbangan pusat ini dalam memperkasa golongan orang kurang upaya (OKU) melalui pelbagai inisiatif dan program yang memberi impak positif kepada masyarakat.

Semoga inisiatif seperti ini terus memperkukuh jaringan alumni USM serta menyemai nilai kebersamaan, keprihatinan dan khidmat kepada masyarakat selaras dengan hasrat USM.



## ZIARAH KASIH

PROFESOR DR. SHAHARUM BIN SAMSUDIN, MANTAN TIMBALAN NAIB CANSELOR BAHAGIAN HAL EHWAL PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI (BHEPA)

## PERBINCANGAN SAMBUTAN 40 TAHUN PERTAULIAHAN ROTU '86



Satu sesi kunjungan hormat kepada Dato' Seri Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dr. Abdul Rahman Bin Mohamed yang diadakan di Bangunan Canselori Pejabat Naib Canselor yang diketuai Encik Ahmad Wafi Sahedan selaku Penyelaras Pusat Pembangunan Alumni (PPA) dan perbincangan bersama beberapa ahli jawatankuasa program yang telah diwakili oleh Puan Hajah Halimatulsaadiah Binti Ali selaku setiausaha program dan ditemani ahli jawatankuasa sambutan 40tahun pertauliah ROTU'86.

Perbincangan telah diadakan di Pejabat PPA USM bagi memperincikan pelaksanaan Sambutan 40 Tahun Pertauliah ROTU '86. Program yang dianggarkan melibatkan seramai 100 orang ini bertujuan mengimbas kembali kenangan serta pengalaman berharga sebagai siswa dan kadet USM.

Selain itu, penganjuran program ini juga menjadi medium penghargaan kepada pihak universiti yang telah memainkan peranan penting dalam mendidik dan membentuk jati diri para alumni sehingga berjaya dalam kerjaya serta kehidupan seharian.

Semoga segala perancangan yang dirangka dapat dilaksanakan dengan jayanya serta terus memperkukuh hubungan silaturahim antara alumni dan universiti, selaras dengan aspirasi memperkasakan jaringan komuniti USM.



Akan diadakan  
Sambutan Ulang Tahun  
ke-40 Pentauliah  
ROTU '86 pada bulan  
Jun 2026.



Penulis: Suraya Shazlin  
Penyunting: Ahmad Wafi  
Foto: Siti Zulaiha

# RISING ACROSS QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS by subject 2026

## QS BROAD SUBJECT AREAS & 19 SUBJECTS RANKED TOP 200

World Rank	Subject	Leap in Rankings
181	Arts & Humanities	26
157	Engineering & Technology	20
185	Life Sciences & Medicine	28
201	Natural Sciences	18
166	Social Sciences & Management	10

### #101-150

- Architecture / Built Environment
- Chemistry
- English Language & Literature
- Materials Science
- Theology, Divinity & Religious Studies

### #101-200 New!

- Data Science & Artificial Intelligence

### #48

Pharmacy & Pharmacology

### #151-200

- Arts & Design
- Accounting & Finance
- Computer Science & Information Systems
- Economics & Econometrics
- Environmental Sciences
- Education
- Engineering - Chemical
- Engineering - Civil & Structural
- Engineering - Electrical & Electronic
- Engineering - Mechanical, Aeronautical & Manufacture
- Modern Languages
- Statistics & Operational Research

RANKED • RECOGNISED • RESPECTED

# #1 RANKED IN MALAYSIA

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS by subject 2026

# #1 IN MALAYSIA

## ARCHAEOLOGY

GLOBALLY #201-260

# #1 IN MALAYSIA

## CHEMISTRY

GLOBALLY #140

# #1 IN MALAYSIA

## PHARMACY & PHARMACOLOGY

GLOBALLY #48

#134 QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2026

#1 IN SDGs di DUNIA

We Lead Transforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow [www.usm.my](http://www.usm.my)

We Lead Transforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow [www.usm.my](http://www.usm.my)

#134 QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2026

#1 United Nations SDGs di DUNIA

Times Higher Education Impact Rankings 2025